



NEWSLETTER

Hab Data Pasaran Buruh Malaysia


Malaysia Labour Market Data Hub

Laman Utama

Portal MyLabourHub, yang dibangunkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), berperanan sebagai hab sehati bagi mendapatkan pelbagai maklumat dan statistik berkaitan pasaran buruh negara. Laman utama portal ini direka bentuk dengan susun atur yang sistematik dan mesra pengguna, membolehkan akses mudah kepada data interaktif, laporan rasmi serta pelbagai sumber maklumat yang dikemas kini secara berkala.

Antara komponen utama yang dipaparkan di laman utama ialah Indikator Utama Pasaran Buruh, yang memaparkan statistik semasa seperti jumlah tenaga buruh, bilangan penduduk bekerja dan kadar penyertaan tenaga buruh. Maklumat ini ditampilkan dalam bentuk infografik ringkas untuk memudahkan pemahaman pengguna terhadap trend semasa. Selain itu, portal ini memuatkan segmen Video Terkini yang menyampaikan kandungan multimedia seperti laporan rasmi, penerangan konsep statistik, dan sorotan data dalam bentuk visual yang menarik.

Ini menjadikan portal bukan sahaja berguna untuk penyelidik dan pembuat dasar, tetapi juga mudah diakses oleh pelajar dan orang awam. Pengguna turut boleh meneroka Kategori Statistik Pasaran Buruh yang disusun mengikut topik utama seperti Guna Tenaga, Pengangguran, Penyertaan Tenaga Buruh, Pekerja Bergaji dan Produktiviti. Setiap kategori menyediakan pautan terus kepada data, laporan dan visualisasi berkaitan bagi memudahkan penjelajahan topik secara lebih mendalam.



Portal ini sesuai digunakan oleh semua peringkat pengguna termasuk penyelidik, pembuat dasar, pelajar, ahli akademik, dan orang awam yang ingin mendapatkan gambaran tepat dan terkini mengenai pasaran buruh Malaysia. Dengan gabungan antara reka bentuk mesra dan kandungan berasaskan sumber rasmi, laman utama MyLabourHub menjadi rujukan utama bagi semua pihak yang ingin memahami perkembangan semasa pasaran buruh negara secara sahih, pantas dan efisien.



MyLabourHub

MyLabourHub ialah platform digital komprehensif yang dibangunkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Ia direka untuk mengintegrasikan data tradisional dan moden demi memperkukuh ekosistem maklumat pasaran buruh negara. Inisiatif ini menyokong penjajaran semula pasaran buruh, pembangunan modal insan, serta membuat keputusan berasaskan data dalam era ekonomi digital.

Objektif

- ✓ Platform pengumpulan dan pengharmonian data yang diperolehi dari sumber tradisional dan baharu muncul untuk analitik berpusat.
- ✓ Sistem amaran jurang antara penawaran dan permintaan buruh.
- ✓ Memberi maklumat peluang pekerjaan kepada pencari kerja dan maklumat ketersediaan tenaga kerja kepada syarikat perniagaan.
- ✓ Memberi maklumat keperluan latihan kepada institusi penganjur latihan.
- ✓ Platform bagi membantu penggubal dasar untuk membuat keputusan berdasarkan maklumat terkini pasaran buruh.

Fungsi Utama



Analisis Pasaran Buruh

Memberikan pandangan menyeluruh tentang trend pekerjaan, gaji, dan keperluan pekerjaan mengikut kemahiran.



Pemantauan & Pelaporan Dasar

Menilai keberkesanan dasar buruh semasa dan menyediakan asas untuk formulasi dasar baharu.



Penyelarasan Maklumat & Rangkaian Institusi


Menghubungkan pelbagai pemegang taruh termasuk agensi kerajaan, majikan, dan individu untuk pertukaran maklumat yang berkesan.

Komponen Utama

8

TEMA DASHBOARD

MODUL INTERAKTIF




Penawaran Buruh




Permintaan Buruh



Produktiviti



Sektor Informal



Siswazah



Kos Buruh



PMKS



SDG




Modul Interaktif

Modul Interaktif ini berperanan sebagai pusat penerokaan data pasaran buruh Malaysia dengan visualisasi dinamik dan penyampaian data yang terperinci. Data yang dipaparkan diperoleh daripada pelbagai sumber, termasuk data survei dan banci, rekod pentadbiran, serta laporan statistik yang diterbitkan oleh agensi kerajaan dan swasta berkaitan pasaran buruh dan guna tenaga. Statistik yang disediakan sentiasa dikemas kini secara berkala sama ada secara bulanan, suku tahunan atau tahunan, bagi memastikan analisis yang lebih relevan, tepat dan terkini.

Modul ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu Eksplorasi Statistik dan Visualisasi yang membekalkan lebih 100 indikator utama dan 128 indikator sokongan. Ia merangkumi lapan tema utama iaitu penawaran buruh, permintaan buruh, produktiviti buruh, siswazah, sektor informal, kos buruh, perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), dan matlamat pembangunan mampan (SDG). Antara ciri utama modul ini ialah pengguna boleh menyesuaikan paparan statistik mengikut parameter yang dipilih. Pengguna diberi pilihan data mengikut kategori tertentu seperti bulan, suku tahun, tahun, sektor pekerjaan, tahap kemahiran, negeri dan lain-lain. Pengguna boleh membuat perbandingan atau penyesuaian data mengikut keperluan dan tujuan masing-masing. Bukan itu sahaja, pengguna juga boleh mengakses dan memuat turun data melalui tabulasi data untuk membuat analisis lebih mendalam tentang data.

Selain itu, modul interaktif menyediakan pelbagai visualisasi yang interaktif yang merangkumi *dashboard*, jadual, carta dan peta di mana ia membolehkan pengguna meneliti trend pekerjaan, permintaan pekerjaan mengikut sektor dan tahap kemahiran, kadar pengangguran, dan gaji. Modul Interaktif turut menampilkan tema Edisi Khas iaitu MyLabourTrail yang merupakan analisis mendalam mengenai pasaran buruh di Malaysia hingga ke peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN). MyLabourTrail berperanan penting dalam membantu pelaksanaan dasar atau intervensi yang lebih bersasar.



Kelebihan

- ✓ Memudahkan pemahaman terhadap trend pasaran buruh.
- ✓ Menyokong perancangan tenaga kerja yang lebih responsif.
- ✓ Membantu mengurangkan ketidakpadanan pekerjaan dalam pasaran buruh Malaysia.
- ✓ Mesra pengguna di mana modul interaktif sesuai digunakan untuk pelbagai pihak termasuk tanpa mengira latar belakang statistik untuk mengakses dan meneroka tentang data.



Penerbitan

Penerbitan merupakan komponen utama yang menghimpunkan pelbagai dokumen rasmi terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia berkaitan statistik pasaran buruh dan sosioekonomi. Ia merangkumi laporan analitik seperti Penerbitan DOSM, Nota Teknikal berkaitan metodologi, Piawaian dan Klasifikasi seperti MASCO dan MSIC, Kertas Kajian berasaskan penyelidikan, Newsletter berkala, serta Infografik visual yang padat dan informatif. Menu ini menyediakan akses kepada sumber sah dan menyeluruh bagi pelbagai kategori pengguna termasuk penggubal dasar, penyelidik, industri dan orang awam.

Penerbitan DOSM

Penerbitan DOSM merupakan koleksi utama laporan rasmi yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, yang merangkumi pelbagai aspek penting berkaitan pasaran buruh, ekonomi dan sosial negara. Antaranya termasuk Sorotan Pasaran Buruh, iaitu laporan suku tahunan yang menyediakan analisis komprehensif berkenaan tema utama seperti penawaran buruh, permintaan buruh, dan produktiviti buruh. Penerbitan ini memainkan peranan penting sebagai sumber rujukan berwibawa bagi pihak industri dalam membuat keputusan yang berpaksikan data yang sahih.



Nota Teknikal

Nota Teknikal berperanan menjelaskan secara terperinci konsep, definisi dan kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam penghasilan statistik rasmi. Sebagai contoh, nota berkaitan Survei Tenaga Buruh memperincikan pendekatan metodologi yang digunakan dalam mengukur kadar pengangguran serta mengenal pasti komposisi tenaga buruh. Oleh itu, nota ini amat signifikan bagi pengguna yang memerlukan pemahaman mendalam terhadap asas statistik dan kesahihan data yang diterbitkan.

Piawaian & Klasifikasi

Piawaian dan Klasifikasi merangkumi sistem klasifikasi dan kod rasmi yang digunakan bagi memastikan keseragaman data statistik pada peringkat nasional dan antarabangsa. Sebagai contoh, *Malaysia Standard Classification of Occupations* (MASCO) dan *Malaysia Standard Industrial Classification* (MSIC) digunakan secara meluas dalam data pekerjaan dan industri. Klasifikasi ini bukan sahaja menyokong ketelusan data, malah membantu dalam perancangan dasar tenaga buruh dan pembangunan sektor ekonomi negara.



Kertas Kajian


Kertas Kajian merupakan dokumen analisis mendalam yang disediakan berdasarkan data rasmi oleh penyelidik DOSM atau melalui kerjasama dengan institusi berkaitan. Laporan ini menampilkan statistik yang berkaitan dengan isu-isu semasa, seperti impak pandemik terhadap guna tenaga, serta ketidakpadanan antara kemahiran dan keperluan pasaran kerja. Justeru, kertas kajian ini memberi nilai tambah kepada statistik sedia ada dengan menyumbang kepada pembangunan ilmu dan pembentukan dasar yang lebih responsif.

Newsletter

Newsletter digunakan sebagai saluran komunikasi berkala, disusun bagi memaparkan sorotan statistik secara ringkas dan padat untuk tatapan umum. Contohnya, Sorotan Pasaran Buruh menampilkan kemaskini data suku tahunan berkaitan kadar pengangguran dan penyertaan tenaga buruh mengikut negeri, jantina dan kumpulan umur. Melalui penerbitan ini, pengguna boleh memperoleh gambaran awal dan pantas berkenaan situasi pasaran buruh semasa.

Infografik

Infografik digunakan bagi menyampaikan maklumat statistik dalam bentuk visual yang mudah difahami dan menarik. Melalui penyampaian berbentuk grafik, carta dan ilustrasi, infografik membolehkan pengguna memahami data secara intuitif. Ini akan meningkatkan aksesibiliti dan kebolehcapaian maklumat kepada masyarakat umum, terutamanya dalam konteks penyebaran maklumat menerusi platform digital dan media sosial.



Komunikasi

Portal MyLabourHub memaparkan elemen komunikasi secara umum yang sangat jelas dan menyeluruh. Komunikasi dalam portal ini tidak terhad kepada penyampaian maklumat secara satu hala, sebaliknya merangkumi pendekatan pelbagai saluran yang interaktif, responsif dan inklusif. Antara aspek utama komunikasi ialah penyampaian data pasaran buruh melalui modul interaktif seperti carta, peta dan jadual yang direka untuk mudah difahami oleh pelbagai lapisan pengguna. Selain itu, di bawah bahagian komunikasi, portal ini turut menyediakan beberapa butang utama seperti Kenyataan Media, Liputan Media, Hubungi Kami, Maklum Balas, dan Kayra-GPT yang memudahkan pengguna berinteraksi secara terus dengan pihak pengurusan portal.

Butang "Kenyataan Media" dalam portal MyLabourHub menyediakan akses kepada pelbagai dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) berkaitan isu semasa dan perkembangan pasaran buruh negara. Melalui butang ini, pengguna boleh mendapatkan maklumat terkini dalam bentuk kenyataan yang boleh dimuat turun, merangkumi data berkala seperti statistik tenaga buruh, kadar pengangguran, serta inisiatif atau pengumuman penting lain. Paparan mesra pengguna membolehkan carian dibuat mengikut tarikh, tajuk atau kata kunci, menjadikan butang ini sebagai sumber rujukan utama bagi pengguna yang memerlukan maklumat tepat berkaitan pasaran buruh Malaysia.

Portal ini juga mempunyai butang "Liputan Media" sebagai sebahagian daripada elemen komunikasi luar yang memperlihatkan sejauh mana maklumat, data dan inisiatif Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mendapat capaian dan reaksi daripada masyarakat umum. Melalui liputan ini, pengguna boleh mengikuti laporan dan ulasan media terhadap isu pasaran buruh, keberkesanan dasar serta pemahaman awam terhadap statistik yang diterbitkan, sekali gus mengukuhkan ketelusan dan keterlihatan data yang disediakan melalui MyLabourHub.



Bahagian "Hubungi Kami" dan "Maklum Balas" dalam portal MyLabourHub berfungsi sebagai saluran rasmi bagi pengguna yang ingin mendapatkan maklumat lanjut, mengemukakan pertanyaan, memberikan maklum balas atau membuat sebarang aduan berkaitan data dan perkhidmatan yang disediakan. Ia memaparkan maklumat perhubungan seperti alamat emel, nombor telefon, dan alamat Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), serta turut menyediakan borang pertanyaan dalam talian untuk memudahkan komunikasi secara langsung. Bahagian ini mencerminkan komitmen portal terhadap keterbukaan, tanggungjawab dan sokongan berterusan kepada pengguna dalam memahami dan memanfaatkan data pasaran buruh negara.

Selain itu, portal ini memperkenalkan penggunaan *chatbot* berasaskan *Artificial Intelligent* (AI), iaitu Kayra-GPT. Kayra-GPT ialah pembantu AI generatif yang dibangunkan dalam portal MyLabourHub bagi memudahkan akses kepada data pasaran buruh Malaysia. Ia membantu pengguna mendapatkan pandangan utama, pola, perubahan atau perkembangan semasa dan jangka masa tertentu dalam pasaran kerja, serta cadangan secara serta-merta melalui perbualan interaktif. Penggunaan teknologi OpenAI, Kayra-GPT memberi kefahaman data dengan menyokong pertanyaan dalam bahasa semula jadi, memberikan cadangan pekerjaan yang relevan serta menjana ramalan berdasarkan pengetahuan 'Large Language Model' (LLM) terbina dan pemahaman kontekstual hasil daripada interaksi pengguna. Kehadiran ciri ini memperkukuh keupayaan portal dalam menyampaikan maklumat secara pintar dan mesra pengguna.





KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAIN MALAYSIA

MBLS
MALAYSIAN BUREAU OF LABOUR STATISTICS

MyLabourHub

Your Ultimate Labour Market Info

Jelajah statistik menerusi
modul interaktif di sini:

mylabourhub.dosm.gov.my



KAYRA
GPT



Platform data pasaran buruh daripada pelbagai sumber.



Sistem amaran awal jurang penawaran & permintaan buruh.



Menyampaikan maklumat pekerjaan dan tenaga kerja kepada pencari kerja & majikan.



Menyalurkan keperluan kemahiran semasa kepada institusi latihan.



Menyokong penggubalan dasar berasaskan data yang terkini dan relevan.

